

**GARIS PANDUAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN
PEMANTAUAN PROJEK ICT DI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
(KPLB)**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/SURAT
1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. KEAHLIAN DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA PEMANDU ICT KPLB (JPICT KPLB)	2
4. KEAHLIAN DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT KPLB (JTI KPLB)	3
5. SKOP PROJEK YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT KPLB.....	3
6. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PEROLEHAN PROJEK ICT	5
7. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT.....	6
8. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT KPLB DAN JTISA.....	7
9. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT	8
10. PENUTUP	8
LAMPIRAN A	9
LAMPIRAN B	11
LAMPIRAN C	13
LAMPIRAN D	17
LAMPIRAN E	19
LAMPIRAN F.....	23
LAMPIRAN G	28

GARIS PANDUAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)

1. TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan dan kaedah mengenai tatacara untuk mendapatkan kelulusan teknikal dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di KPLB.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPLB ditubuhkan bertujuan untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek ICT di Kementerian dan Agensi di bawahnya selaras dengan **Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 (PA 2/2006) bertajuk Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)**.
- 2.2 Garis panduan yang dibangunkan ini selaras dengan **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 bertajuk Garis Panduan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam** yang berkuat kuasa 11 November 2015. Pertimbangan bagi permohonan projek ICT adalah mengikut kepada Pelan Strategik ICT KPLB dan Pelan Strategik ICT Agensi.

2.3 JPICT KPLB menilai permohonan projek ICT yang dibuat berdasarkan kepada keperluan teknologi, penggunaan sumber dan pulangan nilai wang serta keberkesanan projek tersebut terhadap peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Penilaian permohonan dan pemantauan projek ICT juga berpandukan kepada **Metodologi PPrISA** yang dinyatakan di dalam Buku Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam.

3. KEAHLIAN DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA PEMANDU ICT KPLB (JPICT KPLB)

- 3.1 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPLB berfungsi untuk menyelaras dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di KPLB. Agensi di bawah KPLB juga perlu menubuhkan JPICT Agensi sendiri bagi menyelaras permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.
- 3.2 Keahlian JPICT KPLB dan bidang tugasnya adalah seperti di **LAMPIRAN A : Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPLB.**
- 3.3 Bagi tujuan peluasan projek ICT, **Kajian Impak Projek ICT** perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti anggaran keperluan sumber sebenar seperti sumber kewangan, sumber manusia dan keperluan teknologi.
- 3.4 Semua permohonan yang memerlukan kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) MAMPU perlu mendapatkan kelulusan JPICT KPLB terlebih dahulu.

4. KEAHLIAN DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT KPLB (JTI KPLB)

- 4.1 Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPLB berfungsi untuk memproses, menilai dan mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT di KPLB kepada JPICT KPLB. Selain itu, JTI KPLB bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dan perkembangan projek ICT di KPLB.
- 4.2 Keahlian JTI KPLB dan bidang tugasnya adalah seperti di **LAMPIRAN B : Bidang Rujukan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPLB.**
- 4.3 Semua permohonan yang memerlukan kelulusan JPICT KPLB perlu mendapatkan kelulusan JTI KPLB terlebih dahulu.

5. SKOP PROJEK YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT KPLB

- 5.1 Skop projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JPICT KPLB adalah seperti yang berikut :

(a) **Projek Baharu**

Projek baharu bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan projek ICT di KPLB seperti pembangunan sistem aplikasi, perkakasan ICT, perisian ICT, rangkaian ICT dan perkhidmatan lain yang berasaskan ICT.

(b) Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/tempoh, *change request* (CR) atau menaik taraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT.

(c) Pertambahan Peralatan

Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

(d) Peluasan Projek

Peluasan (*roll-out*) projek bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

(e) Perkhidmatan Penyenggaraan

Perkhidmatan penyenggaraan bermaksud perkhidmatan yang melibatkan penyenggaraan bagi perkakasan ICT, rangkaian ICT dan perisian ICT (termasuk sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem) yang melibatkan lantikan pihak pembekal.

(f) Pembaharuan Lesen

Pembaharuan lesen bermaksud memperbaharui lesen bagi perkakasan ICT dan perisian ICT (termasuk sistem operasi,

pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem) sedia ada yang telah tamat tempoh.

6. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PEROLEHAN PROJEK ICT

- 6.1 Semua peringkat permohonan perolehan projek ICT KPLB perlu dikemukakan melalui **Sistem Aplikasi PROFIT**. Ketua projek juga perlu mengemas kini dan merekodkan status pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan melalui sistem ini.
- 6.2 Semua permohonan perolehan projek ICT daripada Unit/Bahagian/Jabatan atau Agensi di bawah Kementerian perlu mendapatkan **kelulusan daripada Ketua Program** masing-masing dan mempunyai **peruntukan yang telah diluluskan** sebelum memohon kelulusan teknikal.
- 6.3 Permohonan peruntukan kewangan bagi perolehan projek ICT perlulah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan di Agensi masing-masing mengikut keperluan sumber peruntukan.
- 6.4 Format kertas cadangan adalah seperti di **LAMPIRAN C : Kertas Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT** dan contoh format slaid pembentangan boleh dimuat turun dari Sistem Aplikasi PROFIT. Kertas dan slaid cadangan permohonan projek perlu dikemukakan kepada Urus setia JPICT **selewat-lewatnya sepuluh (10) hari** sebelum tarikh mesyuarat diadakan.

- 6.5 Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek seperti di **LAMPIRAN D : Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-ciri Projek ICT.**
- 6.6 Jadual ringkasan bagi kategori perolehan, skop dan had nilai projek serta peringkat kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN E : Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT.** Had nilai di LAMPIRAN E adalah tidak termasuk nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
- 6.7 Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN F : Carta Alir Prosedur Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT.**
- 6.8 Semua perolehan projek ICT yang memerlukan kelulusan JTISA, MAMPU perlu mendapatkan kelulusan JPICT Kementerian dan permohonan perlu melalui Urus setia JPICT Kementerian.
- 6.9 Keutamaan kelulusan permohonan perolehan projek ICT akan diberikan kepada projek yang telah dirancang dan dinyatakan di dalam Pelan Strategik ICT (ISP) Agensi masing-masing.

7. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT

- 7.1 JPICT KPLB akan mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali setahun atau lebih mengikut kepada keperluan semasa dan akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPLB atau pegawai yang

diturunkan kuasa. Mesyuarat JPICT juga boleh dipengerusikan oleh pengerusi ganti yang dilantik.

- 7.2 Kelulusan teknikal projek ICT juga boleh diputuskan di luar mesyuarat secara edaran (*circular resolution*) sekiranya terdapat keperluan dan mendapat persetujuan Pengerusi JPICT Kementerian terlebih dahulu berdasarkan kepada peraturan sedia ada.

8. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT KPLB DAN JTISA

- 8.1 Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT KPLB dan JTISA perlu direkodkan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.
- 8.2 Kekekapan pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan projek ICT adalah **setiap bulan** dari tarikh kelulusan JPICT KPLB atau JTISA.
- 8.3 Bagi projek ICT yang diluluskan oleh JTISA, laporan pelaksanaan projek hendaklah dikemukakan selepas **satu (1) tahun** projek dilaksanakan (*go live*).
- 8.4 Carta alir pemantauan dan pelaporan pelaksanaan projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN G : Carta Alir Pemantauan dan Pelaporan Projek ICT**.

9. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT

- 9.1 Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan projek ICT yang dikeluarkan oleh JPICT Kementerian adalah **tiga (3) tahun** dari tarikh surat kelulusan. Agensi perlu memohon semula kelulusan sekiranya projek ICT tidak dilaksanakan bagi tempoh tersebut.

- 9.2 Kelulusan dari JPICT perlu diperoleh semula sekiranya terdapat perubahan spesifikasi teknikal yang melibatkan perubahan kos, kuantiti atau skop kerja bagi projek ICT yang telah diluluskan sebelum ini.

10. PENUTUP

Semua Unit / Bahagian / Jabatan dan Agensi di bawah KPLB mesti mematuhi garis panduan ini dan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 bertajuk Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam untuk memohon kelulusan teknikal bagi perolehan projek ICT.

LAMPIRAN A

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KPLB

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengerusi : Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Pengerusi ganti : Pegawai yang dilantik

Ahli-ahli : i) Setiausaha-setiausaha Bahagian;
ii) Ketua-ketua Unit;
iii) Ketua-ketua Jabatan;
iv) Pengurus ICT Agensi di bawah KPLB;
v) Pegawai Keselamatan ICT; dan
vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia : Bahagian Pengurusan Maklumat

BIDANG TUGAS JPICT KPLB :

1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT KPLB;
2. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT KPLB dan semua agensi di bawahnya;

3. Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT KPLB dan semua agensi di bawahnya supaya selaras dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT;
4. Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan ICT antara KPLB dan semua agensi di bawahnya dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT Sektor Awam;
5. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara KPLB dan semua agensi di bawahnya;
6. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
7. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
8. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
9. Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi KPLB dan semua agensi di bawahnya kepada JTISA untuk kelulusan teknikal;
10. Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT KPLB dan dibuat perolehan kepada JTISA; dan
11. Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT bagi KPLB dan semua agensi di bawahnya yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JTISA mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN B

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI) KPLB

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengerusi : Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer*) atau pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli : i) Pengurus-pengurus ICT Agensi di bawah KPLB;
ii) Pegawai Teknologi Maklumat KPLB;
iii) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang (*subject matter expert – SME*) dan pemilik projek; dan
iv) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia : Bahagian Pengurusan Maklumat

BIDANG TUGAS JPICT KPLB :

1. Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT KPLB dan semua agensi di bawahnya;
2. Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT KPLB;
3. Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPICT KPLB dan JTISA dan melaporkan kepada JPICT KPLB;

4. Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah KPLB serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT KPLB; dan
5. Menyediakan laporan kepada JPICT KPLB mengikut keperluan.

KERTAS PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

<TAJUK PERMOHONAN>

1. TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) / Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah untuk mendapat pertimbangan dan seterusnya kelulusan teknikal ICT bagi **<Nama Projek>**

2. KELULUSAN JPICT

Cadangan projek ini telah mendapat kelulusan teknikal ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) **<Nama Agensi>** pada **Mesyuarat JPICT Bil..... bertarikh.....**

3. PERANAN DAN FUNGSI AGENSI

3.1 Nyatakan peranan dan fungsi utama Agensi / Bahagian dan kaitannya dengan perolehan ICT yang dicadangkan.

4. PELAN STRATEGIK ICT (ISP) AGENSI

4.1 Projek telah disenaraikan di dalam Pelan Strategik ICT. Nyatakan dengan ringkas arah tuju dan status semasa program ICT.

4.2 Sumber ICT sedia ada.

- Nyatakan rasional yang menyebabkan cadangan projek ini perlu dilaksanakan seperti keperluan baru, perluasan (*roll-out*) atau

memperbaiki proses atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi.

- Senaraikan masalah seperti masalah perkakasan / perisian / kekurangan sistem aplikasi / penyelenggaraan / capaian rangkaian dan sebagainya. (bergantung kepada projek yang dicadangkan)

5. RASIONAL YANG MEMBAWA KEPADA CADANGAN PROJEK ICT

- 5.1 Projek baru – perkakasan / perisian / aplikasi / rangkaian / perkhidmatan
- Perluasan (*roll-out*) – rangkaian / sistem
- Peningkatan – sistem
- Pertambahan – skop perkhidmatan / bilangan pengguna

6. CADANGAN PEROLEHAN

Berikut adalah keterangan projek yang dicadangkan :-

- (a) Nama :
- (b) Tujuan projek :
- (c) Fungsi : ...
- (d) Tempoh projek :
- (e) Akititektur / Gambarajah :

6.1 Ciri-ciri projek yang dicadangkan

6.1.1

6.2 Perolehan yang dicadangkan

6.2.1 Peralatan atau perkakasan

- senarai agihan
- spesifikasi
- cadangan peralatan lama (lupus atau digunakan sebagai latihan)

6.2.2 Rangkaian

- sertakan bandwidth, utilization report dan gambarajah

6.2.3 Perisian

- senarai agihan

6.2.4 Aplikasi

- nyatakan modul

6.2.5 Perkhidmatan

* setiap perincian harus disertakan dengan pecahan harga bagi setiap unit.
Kuantiti setiap perincian adalah diperlukan.

6.3 Pelan Pelaksanaan

6.3.1 Jadual Pelaksanaan

6.3.2 Aspek-aspek keselamatan ICT

6.3.3 Kaedah pelaksanaan (*in-house / outsource*)

6.4 Anggaran kos dan sumber peruntukan serta pecahan kos mengikut butiran.

Contoh senarai perincian:

Bil	Perkara	Unit	Kos Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Perkakasan - Sila perincikan senarai perkakasan			
2.	Perisian - Sila perincikan senarai perisian			
3.	Aplikasi - Sila perincikan mengikut modul			
4.	Rangkaian - Sila peincikan senarai peralatan rangkaian			

5.	Perkhidmatan - Pengurusan peruntukan - Perubahan teknologi			
Jumlah keseluruhan (RM)				
GST 6% (RM)				
Jumlah keseluruhan termasuk GST (RM)				

Sumber peruntukan adalah dari.....

Peruntukan kewangan adalah termasuk dalam skop projek ICT

7. FAEDAH JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG SERTA OUTCOME PROJEK ICT YANG DICADANGKAN

7.1 Nyatakan faedah jangka pendek / jangka panjang serta petunjuk prestasi / *deliverables* yang dijangka akan dicapai

8. MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

(a)	Nama Pegawai	:
(b)	Jawatan	:	...
(c)	Gred jawatan	:	...
(d)	No. Telefon	:
(e)	No. Faks	:
(c)	Alamat e-mel	:

Nota :

Agensi boleh menambah maklumat mengikut keperluan dan kesesuaian permohonan. Sebarang pertanyaan dan maklum balas hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia JPICT Kementerian.

PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT

1. Menepati keperluan pemegang taruh (stakeholder)/pengguna (fit for purpose).
2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada.
3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan projek.
4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran.
5. Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek.
6. Tempoh pelaksanaan yang realistik.
7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

CIRI-CIRI PROJEK ICT

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan. 2. Kebolehskaaan (Scalability – start small, expand when needed). 3. Kesesuaian konfigurasi server (should be able to sustain application requirement for a certain period of time). 4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan. 5. Menggalakkan perkongsian perkakasan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Senibina Perkhidmatan dan Senibina Maklumat aplikasi. 2. Senarai modul aplikasi. 3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem. 4. Platform yang dicadangkan. 5. Pangkalan data. 6. Struktur data mengikut standard <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam. 7. Integrasi/saling kendali (interoperability) dengan sistem legasi, dalaman dan luaran. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon. 2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan. 3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (mandays). 4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN). 2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Senibina Teknologi. 3. Kesesuaian teknologi rangkaian. 4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll.). <p><u>Peningkatan / Peluasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kekangan infrastruktur sedia ada. 2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilisation)/prestasi (performance).

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<p>6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook).</p> <p>7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan.</p> <p>8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti.</p> <p>9. Lesen caj sekali atau kos berulang.</p> <p>10. Pematuhan kepada IPv6.</p> <p>11. Ke arah ICT hijau.</p>	<p>8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya).</p> <p>9. Kepakaran ICT yang ada.</p> <p>10. Potensi perkongsian pintar.</p> <p>11. Kebolehskalaan (Scalability - start small, grow as required).</p> <p>12. Pelan Migrasi.</p> <p><u>Peningkatan</u></p> <p>1. Kekangan sistem sedia ada.</p> <p>2. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem.</p> <p><u>Peluasan</u></p> <p>1. Melaksanakan kajian impak projek sedia ada sebelum peluasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesiediaan sistem (system readiness); ii. Kesiediaan lokasi dan infrastruktur (location and infrastructure readiness); dan iii. Kesiediaan pengguna (User readiness). <p>2. Pelan peluasan.</p>		

LAMPIRAN E

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

I. BAGI UNIT/BAHAGIAN/ JABATAN DI BAWAH KPLB

BIL	P ROJEK			PERINGKAT KELULUSAN		
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JTI KEMENTERIAN KPLB (KSU)	JPICT KEMENTERIAN KPLB	JTISA (MAMPU)
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	<1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
			≥ 5J	✓	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓


D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	<1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan / atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
	≥ 5J	✓	✓	✓		
E	Perkhidmatan Penyenggaraan atau/dan Pembaharuan Lesen	Perkhidmatan penyenggaraan yang melibatkan perkakasan ICT, rangkaian ICT dan perisian ICT (termasuk sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem)	≥ 500K hingga <1J	✓	-	-
			≥ 1J	✓	✓	-


II. BAGI AGENSI DI BAWAH KPLB

BIL	P ROJEK			PERINGKAT KELULUSAN			
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT AGENSI KPLB	JTI KEMENTERIAN KPLB (KSU)	JPICT KEMENTERIAN KPLB	JTISA (MAMPU)
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	✓	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	<1J	✓	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓	✓

D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	<1J	✓	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan / atau perkhidmatan ICT.	<500K	✓	-	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓	✓
E	Perkhidmatan Penyenggaraan atau/dan Pembaharuan Lesen	Perkhidmatan penyenggaraan yang melibatkan perkakasan ICT, rangkaian ICT dan perisian ICT (termasuk sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem)	≥ 500K hingga <1J	✓	✓	-	-
			≥ 1J	✓	✓	✓	-

LAMPIRAN F





CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN / AGENSI KPLB	JPICT AGENSI KPLB	JTI KPLB	JPICT KPLB	JTISA (MAMPU)	PENERANGAN
		<pre> graph TD F((F)) --> 11[Semak had nilai projek] 11 --> D1{Perlu ke JPICT?} D1 -- Ya --> D((D)) D1 -- Tidak --> G((G)) </pre>	<pre> graph TD D((D)) --> 12[Urus setia JTI sediakan Ulasan Teknikal] 12 --> 13[Mesyuarat JPICT] 13 --> 14[Surat Keputusan dikeluarkan] 14 --> 14[Semak had nilai projek] 14 --> D2{Perlu ke JTISA?} D2 -- Ya --> E((E)) D2 -- Tidak --> G((G)) </pre>		<p>11. Semak had nilai projek ICT yang diluluskan dengan merujuk kepada LAMPIRAN E.</p> <p>12. Urus setia JTI menyediakan ulasan teknikal sebelum kertas permohonan projek ICT dibentangkan di dalam Mesyuarat JPICT Kementerian.</p> <p>13. Surat keputusan akan dikeluarkan oleh Pengerusi JPICT Kementerian berdasarkan keputusan Mesyuarat sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak</p> <p>14. Semak had nilai projek ICT yang diluluskan dengan merujuk kepada LAMPIRAN E.</p>

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT					
KEMENTERIAN / AGENSI KPLB	JPICT AGENSI KPLB	JTI KPLB	JPICT KPLB	JTISA (MAMPU)	PENERANGAN
				<pre> graph TD E((E)) --> 15[Urus setia JTISA menerima permohonan melalui aplikasi PROFIT] 15 --> 16[Semak permohonan] 16 --> D{Patuh/ lengkap?} D --> MT[Maklumat tambahan] MT --> D D --> H((H)) </pre>	<p>15. Urus setia JTISA menerima permohonan projek ICT daripada JPICT Kementerian melalui aplikasi PROFIT.</p> <p>16. Urus setia JTISA menyemak permohonan projek ICT Kementerian berdasarkan kriteria berikut:</p> <p>Projek ICT</p> <ol style="list-style-type: none"> Ada peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan; Kelulusan Teknikal JPICT Kementerian; Melempi had nilai kelulusan projek ICT yang ditetapkan; Sebelum tarikh tutup permohonan; dan Syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa. <p>Projek ICT PF/PPP</p> <ol style="list-style-type: none"> Kelulusan prinsip oleh Jemaah Menteri, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM; Laporan Pengurusan Nilai; Sebelum tarikh tutup permohonan; dan Syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT					
KEMENTERIAN / AGENSI KPLB	JPICT AGENSI KPLB	JTI KPLB	JPICT KPLB	JTISA (MAMPU)	PENERANGAN
				<pre> graph TD H((H)) --> 17[Urus setia JTISA sediakan ulasan teknikal] 17 --> MS[Mesyuarat JTISA] MS --> 18[Surat Keputusan dikeluarkan] 18 --> T((Tamat)) </pre>	<p>17. Urus setia JTISA menyediakan kertas ulasan teknikal untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat JTISA.</p> <p>18. Surat keputusan akan dikeluarkan kepada Urus setia JPICT Kementerian berdasarkan keputusan mesyuarat sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak oleh:</p> <p>a) Pengerusi JTISA (semasa mesyuarat)</p> <p>b) Ketua Pengarah MAMPU (selepas mesyuarat)</p>

LAMPIRAN G

